

MODUL DASAR MEMBACA: KE ARAH MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG BERKUALITAS

MUHAMMAD SAIFUL HAQ BIN HUSSIN (Ph.D)
Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya Kuala Lumpur Malaysia
(ipul62@hotmail.com)

dan

AGUS SYAHRANI, S.PD.
Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Tanjungpura Pontianak
(agussyahrani@gmail.com)


Abstract

This research is aimed at analyzing the use of the Basic Reading Module from the aspect of language learning, interest and motivation of the research subject regarding language mastery. The module used in this research is the Basic Reading Module Year 1 (1st Edition). Research subject selected is a group of 35 students out of the cohort of 69 First Year students of Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Putera, Kota Baru, Kelantan, Malaysia for the academic year 2009. Research subject was divided into 2 groups with Group 1 consisting of 25 students and Group 2 consisting of 10 students. Selection of research subjects was done through a diagnostic test. Research results based statistic chi squared test produced validity and reliability test module indicates value of alpha 0.960 for pre-test and 0.891 for post-test for group 1. Group 2 indicates value of alpha 0.978 for pre-test and 0.970 for post-test. All values of alpha exceeded the limit of $df=.325$. In conclusion, all test results indicates $p>.05$ for both levels of tests. In relation to the Pearson correlation (r) based on the significant limit of $.05$, both tests indicate pre learning tests to be 0.541 and test on learning to be 0.544. Both sections show significance limit of $p>.05$. Results from this observation is further strengthened by achievements tests which includes the Intensive Mastery in Reading & Writing (KIA2M) with 100% passes in both levels of exam. This research proves that learning to read at the basic level whilst using multimedia greatly enhances the learning process and contributes in the faster making of quality human resource at the most basic level. It is hoped that Research done in Malaysia could also be tried out in Indonesia in an effort to streamline education between these two countries.

Pendahuluan

Kajian ini akan meninjau tahap penguasaan Bahasa Melayu pada peringkat asas bacaan yang wujud dalam kalangan pelajar Tahun 1 (asas pendidikan formal). Hal ini demikian kerana kebanyakan orang beranggapan bahawa peringkat ini masih awal dan tidak perlu diberikan perhatian yang serius, sedangkan pada peringkat inilah perlu diberikan penekanan dengan cara menerapkan pembelajaran bahasa Melayu yang betul. Oleh sebab itu, kajian ini sebagai satu alternatif baru ke arah menangani masalah bacaan asas dalam kalangan pelajar Tahun 1.

Pada peringkat inilah didapati terdapat subjek kajian itu perlu diberi perhatian yang lebih sebelum mereka menjadi lebih ketinggalan dan akan bersifat akumulatif dalam penguasaan bacaan apabila mereka memasuki peringkat yang seterusnya. Lihat rajah 1 di bawah yang memaparkan sistem persekolahan di Malaysia.



Sumber : Mangantar Simanjuntak (1985:3)

Rajah 1: Peringkat persekolahan harus memberikan masukan kepada peringkat lain.

Pelbagai langkah dan usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan tersebut, terkini ialah Program Literasi dan Numerasi (LINUS) yang mula dilaksanakan mulai 2010 hingga 2012. Program ini bertujuan untuk memastikan semua murid Tahun 1 pada 2010 dapat menguasai kemahiran membaca, menulis (literasi) dan mengira (numerasi) selepas tahun 2012, iaitu semasa murid tersebut berada di Tahun 4. Sebelum ini program Kemahiran Intensif Dasar Membaca dan Menulis (kemudiannya disebut KIA2M) iaitu program khusus membantu murid Tahun 1 menguasai kemahiran membaca dan menulis. Program ini bermula pada tahun 2006 dan dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu. Pencapaian keseluruhan ujian KIA2M bagi tempoh 3 tahun berturut-turut sebagaimana berikut. Lihat jadual di bawah:

Jadual 1: Pencapaian Keseluruhan Ujian KIA2M bagi Tempoh 2006 – 2008

Tahun	Bilangan Murid Tahun 1	Jumlah Menguasai (45 – 60)	Jumlah Tidak Menguasai (0 – 44)	Jumlah Tidak Hadir
2006	456,579	230,303 (50.44%)	197,974 (43.36%)	28,302 (6.20%)
2007	506,283	445,815 (88.06%)	51,486 (10.17%)	8,982 (1.77%)
2008	463,990	400,626 (86.34%)	54,572 (11.70%)	9,092 (1.96%)
Jumlah	1,426,852	1,076,744 (75.46%)	304,032 (21.30%)	46,376 (3.25%)

Sumber: Disesuaikan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia

Pada tahun 2006 didapati 197,974 (43.36%) orang calon daripada 456,579 calon tidak berjaya menguasai asas membaca dan menulis. Diikuti dengan pencapaian yang agak menurun pada tahun 2007, iaitu sebanyak 51,486 (10.17%) daripada 506,283 calon dan pada tahun 2008 menunjukkan 54,572 (11.70%) daripada 463,990 yang masih gagal menguasai asas membaca dan menulis. Memandangkan kepada bilangan calon yang tidak menduduki ujian pelepasan tersebut dikhuatiri angka sebenar calon yang tidak menguasainya akan menjadi lebih besar lagi jika calon-calon tersebut hadir dan menduduki peperiksaannya.

Sekiranya kelemahan yang dihadapi oleh mereka dapat dikesan dan dipulihkan sudah pasti murid-murid akan terus cemerlang dalam pelajaran kerana mereka dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran di sekolah secara berkesan dan memuaskan. Kajian ini telah dilakukan terhadap murid-murid Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra (kemudiannya ditulis SKTIP), Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Usaha untuk mengatasi masalah penguasaan bacaan ini bukan merupakan masalah pihak sekolah semata-mata, namun lebih jauh dari itu permasalahan ini mestilah dilihat sebagai masalah bersama antara pihak-pihak yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung. Di samping itu juga usaha bersama dalam bentuk pengemblengan tenaga secara bersepadu haruslah diusahakan bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

Latar Belakang Pelajar

Hampir kesemua pelajar yang belajar di SKTIP berasal di sekitar kawasan Kota Bharu. Majoriti murid di sekolah ini terdiri daripada kaum Melayu, iaitu kira-kira 99.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar SKTIP. Selebihnya pula adalah dari kaum Cina. Jumlah keseluruhan murid yang belajar di sekolah ini ialah 529 orang dan iaitu kaum Melayu 528 orang dan 1 orang (0.2%) kaum Cina. Pada tahun 2009 terdapat 3 kelas murid yang belajar tahun satu dan purata setiap sebuah kelas ialah 28:26:15 orang.

Pada tahun 2008 jumlah murid tahun satu di SKTIP adalah seramai 80 orang dan angkanya menurun kepada 69 orang (14.2%) daripada keseluruhan murid pada tahun 2009. Bilangan murid perempuan seramai 29 orang dan bilangan murid lelaki pula ialah 40 orang. Namun begitu, daripada jumlah keseluruhan pelajar ialah 529 orang dan terdapat 47 orang murid pendidikan khas cacat pendengaran yang belajar di sekolah ini.

Jadual 2: Jumlah Murid Tahun 1 Sesi 2008 dan 2009

Tahun 2008	Tahun 2009
80 orang	69 orang

Prestasi peperiksaan Akhir Tahun Tahun 1 2008 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu adalah agak baik, namun masih lagi didapati masalah keciciran di kalangan murid-murid khususnya dari aspek penguasaan keseluruhan (Lihat jadual 3). Data dalam jadual 3 memaparkan sebanyak 20 % (16 orang) murid daripada 80 orang yang menduduki peperiksaan akhir tahun 2008 masih gagal dengan memperoleh gred D sebanyak 12.5% (10 orang) dan gred E sebanyak 7.5% (6 orang). Murid-murid lebih menguasai subjek Bahasa Melayu penulisan berdasarkan pencapaian gred A lebih tinggi daripada subjek bahasa Melayu kefahaman. Murid-murid yang bermasalah dalam pembelajaran dan tidak dapat menguasai 3M telah diberi tumpuan yang sewajarnya. Di sini murid-murid telah diajar semula kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M) bermula dari peringkat asas lagi dan ianya berdasarkan kepada tahap kemahiran yang dikuasai oleh murid.

Jadual 3: Pencapaian Bahasa Melayu Kefahaman dan Penulisan Murid Tahun 1 Sesi 2008

Bahasa Melayu Kefahaman (92.5 %)	Bahasa Melayu Penulisan (80.0%)
A – 25	A – 28
B – 38	B – 21
C – 11	C – 15
D – 6	D – 10
E – 0	E – 6

Pencapaian keseluruhan dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2008 adalah agak baik. Murid-murid yang mendapat gred A adalah ramai. Hal ini demikian kerana kesedaran ibu serta motivasi instrumental murid yang melihat bahawa pentingnya ilmu akademik terhadap anak-anak mereka serta diri murid sendiri. Kesungguhan usaha guru-guru juga mendatangkan hasil kepada murid-murid berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi penghujung tahun 2008.

Jadual 4: Keputusan Peperiksaan UPSR 2008

Bilangan Gred	Bilangan Murid Mendapat
5A	16
4A	7
3A	5
3A	6
1A	14

Kebanyakan daripada ibu bapa murid bekerja sendiri sebagai buruh dan pekerja am dan sebilangan kecil daripada ibu bapa mereka bekerja sebagai pegawai kerajaan seperti guru dan pegawai tadbir. Terdapat juga murid-murid yang tidak cemerlang dalam keputusan UPSR walaupun pelbagai usaha dilakukan seperti program kem motivasi kesedaran, pertandingan kuiz, kelas tambahan dan kesedaran ibu bapa untuk meningkatkan tahap akademik murid-murid.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut :

1. Untuk menganalisis penggunaan modul dasar membaca Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) dari aspek pembelajaran bahasa, minat dan motivasi subjek kajian terhadap penguasaan membaca.
2. Untuk mengetahui tahap kebolehan kemahiran membaca murid-murid Tahun 1.
3. Untuk mengetahui kebolehan murid-murid Tahun 1 memahami apa yang dibaca.

Skop Kajian

Kajian ini dijalankan selama lebih kurang tiga bulan pertama persekolahan pertama sesi 2009 (suku tahun pertama). Kajian dijalankan di Sekolah Rendah Kebangsaan Tengku Indera Petra, Wakaf Mek Zainab, Kota Bharu, Kelantan. Kajian dilakukan berdasarkan bahan bertulis dan data-data secara lisan. Dalam kajian ini penelitian tertumpu kepada murid Tahun 1 di Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra, Mek Zainab, Kota Bharu, Kelantan. Dalam kajian ini, seramai 20 orang murid dipilih untuk dijadikan subjek kajian dalam kumpulan yang pertama dan seramai 10 orang murid dilibatkan sebagai kumpulan kedua dalam penyelidikan yang dijalankan.

Dari aspek tatabahasa, tumpuan diberikan terhadap aspek kemahiran bacaan asas pada peringkat fonologi, morfologi dan sintaksis dalam bentuk lisan. Penelitian tersebut akan berpandukan sukatan pelajaran yang terkandung dalam buku Model Asas Membaca Tahun 1 (Edisi Pertama) yang dihasilkan oleh Muhammad Saiful Haq bin Hussin. Buku ini diterbitkan oleh Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Buku ini mempunyai 30 halaman. Dari itu dapat dikenal pasti tahap kemahiran setiap pelajar dalam menguasai bahasa Melayu.

Sebagai rumusannya kajian ini meliputi aspek kemahiran-kemahiran bacaan asas dalam fonologi, morfologi dan sintaksis berdasarkan sukatan pelajaran yang terkandung dalam buku Panduan Khas Bahasa Melayu Tahun 1. Kemahiran-kemahiran dalam bidang ini perlu diperkukuh untuk membolehkan kanak-kanak menguasai bacaan. Pembahagian masalah dilakukan berdasarkan data-data yang diperoleh.

Signifikan Kajian

Penguasaan asas bacaan di peringkat permulaan amat penting kerana pada peringkat ini akan menentukan sama ada pelajar mampu menguasai kemahiran membaca atau tidak. Pada peringkat permulaan para pelajar diberi pendedahan kepada kemahiran mengenai huruf abjad, sama ada melalui bentuk, nama mahupun bunyi foniknya. Setiap pelajar yang melalui proses ini diharapkan dapat mengukur dan menilainya. Mengapa hal ini penting adalah kerana peringkat inilah yang dapat menentukan seseorang pelajar itu dapat memiliki kemahiran membaca dengan baik. Ternyata kemahiran membaca di peringkat awal amat penting dan hal ini turut dinyatakan oleh Dorothy Rubin (1980), iaitu


“kepentingan belajar membaca pada darjah yang awal tidak boleh dipertikaikan, sekiranya semakin lama kanak-kanak itu berada di dalam keadaan tidak boleh membaca, seolah-olah semakin kurang peluang mereka untuk naik kelas atau mencapai tahap kebolehan atau keupayaan walaupun dengan batuan yang dijalankan dalam kelas pemulihan.”

Reka bentuk kajian

Kajian ini adalah berbentuk penyelidikan eksperimen dengan membuat pengajaran dan pengujian ke atas subjek kajian yang telah dipilih dan ditentukan melalui ujian diagnostik di sebuah sekolah rendah yang telah dikenal pasti. Tujuannya ialah untuk menganalisis penggunaan modul dasar membaca Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) dari aspek pembelajaran bahasa, minat dan motivasi subjek kajian terhadap penguasaan membaca, dan seterusnya mencari jalan penyelesaian terbaik bagi mana untuk memantapkan proses P dan P dalam usaha memperoleh hasil yang terbaik.

Kerangka teori (Teori Behaviorisme Bertujuan)

Teori behaviorisme bertujuan menggariskan empat jenis pembelajaran. Pembelajaran-pembelajaran tersebut dijadikan dasar kajian ini. Berikut diuraikan empat jenis pembelajaran tersebut.



Sumber: Dipadankan daripada Tolman (1949: 146)

Rajah 2: Kerangka Teori Kajian Berdasarkan Teori Behaviourisme Bertujuan

Diskriminasi Desakan (Drive Discriminations) - Jenis pembelajaran ini merujuk keupayaan organisma menyesuaikan sesuatu desakannya dengan gerak balas yang teratur. Desakan adalah disebabkan faktor sosial atau psikologi. Jika organisma tersebut gagal berbuat demikian, bermakna dia masih tidak cekap merencanakan peta kognitifnya. Hal ini mengakibatkan perilaku yang tidak kongruen. Apabila perilaku tidak kongruen, maka matlamat yang hendak dicapai menjadi kurang jelas.

Pembelajaran Terpendam (Latent Learning) - Pembelajaran Terpendam ialah pembelajaran yang tidak dipindahkan dengan semerta kepada bentuk kecekapan. Pembelajaran dipendam dalam kognisi. Pembelajaran dimanifestasi ke dalam bentuk perilaku hanya apabila diperlukan.

Jangkaan-Jangkaan Bidang (Field Expectancies) - Jangkaan Bidang terbentuk dengan cara yang sama seperti peta kognitif. Organisma belajar tentang apa yang membawa kepada apa. Misalnya, apabila melihat sesuatu lambang dia menjangkakan lambang itu akan menerbitkan gerak balas tertentu.

Pengetahuan ini digunakan bagi menjelaskan pembelajaran terpendam. Jangkaan-jangkaan ini kerap disebut S – S (Sign – Sign) atau pembelajaran dari lambang ke lambang.

Mod Bidang Kognisi (Field-Cognition Modes) - Mod Bidang Kognisi ialah strategi, cara atau pendekatan yang digunakan dalam sesuatu situasi penyelesaian masalah (problem solving). Mod ini merupakan kecenderungan organisma menyusun bidang persepsi menurut konfigurasi-konfigurasi tertentu. Tolman berpendapat kecenderungan ini diwarisi secara nurani. Meskipun begitu, kecenderungan ini boleh juga diubahsuai atau dipelajari melalui pengalaman. Menurut Tolman lagi, strategi, cara atau pendekatan penyelesaian masalah akan bertambah jika organisma berpeluang mencubanya dalam situasi yang serupa pada masa akan datang. Dengan itu mod bidang kognisi dapat dipindahkan kepada masalah-masalah yang berkaitan. Jenis pembelajaran ini bersesuaian dengan semua jenis persekitaran. Sama ada diwarisi atau dipelajari, mod tersebut ada dalam kognisi organisma. Mod tersebut akan digunakan apabila organisma itu berada dalam bidang yang baru (Tolman, 1949: 153). Unsur-unsur utama dan jenis-jenis pembelajaran Teori Behaviourisme Bertujuan disimpulkan dalam rajah 2 di atas.

Tempat Kajian

Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan dalam negeri Kelantan. Sekolah ini terletak dalam bandar Kota Bharu diwakili oleh beberapa buah mukim seperti, mukim Badang, mukim Panji, mukim Pendek, mukim Salur, mukim Kota, mukim Beta, mukim Pangkal Kalung, mukim kemimin, mukim Sering, mukim Lundang, mukim Banggu, mukim Limbat, mukim Peringat dan mukim Kaduk.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ialah murid-murid yang belajar dalam Tahun 1 SRKTIP di dalam daerah Kota Bharu. Terdapat 18 kelas normal dan 8 kelas pendidikan khas. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengambil 15 orang murid dalam fasa pertama dan 10 orang murid dalam fasa yang kedua yang keseluruhannya berjumlah 25 orang untuk dijadikan subjek kajian. Pemilihan subjek kajian dilakukan melalui ujian diagnostik yang melibatkan semua pelajar tahun 1 sesi pengajian 2009.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada kalangan murid Tahun 1 yang berusia dalam lingkungan 7 tahun. Pemilihan murid Tahun 1 adalah bersesuaian dengan perolehan dan penguasaan bahasa kerana pada tahap ini murid telah mengalami proses perolehan bahasa yang lengkap. Dalam kajian ini, seramai 35 orang murid telah dipilih sebagai subjek. Mereka ini dipilih berdasarkan tahap pencapaian dalam ujian penyaringan (Ujian Diagnostik) yang dilakukan ke atas semua populasi murid Tahun 1 di SRKTIP yang menduduki Tahun 1 pada sesi persekolahan 2009. Golongan mereka adalah sebahagian keseluruhan pelajar Tahun 1 seluruh Malaysia yang berjumlah 420,049 orang yang mendaftar untuk Tahun 1 sesi persekolahan pada tahun tersebut.

Kaedah Kajian

Kajian yang dijalankan berdasar kepada kaedah pemerhatian terkawal, temu bual dan soal selidik secara berstruktur dan tidak berstruktur serta soal selidik berasaskan item ujian yang digubal berdasarkan kepada beberapa pemboleh ubah, serta kajian eksperimen yang memerlukan ujian. Dalam hal ini uji dan uji kembali dilaksanakan oleh penyelidik. Maklumat yang diperolehi hasil daripada tinjauan dan soal selidik yang dijalankan telah direkodkan ke dalam borang rekod pencapaian murid dan borang analisis data-data kajian yang telah dikhaskan.

Kaedah Pemerhatian

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada kaedah pemerhatian. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian terkawal. Sewaktu menggunakan kaedah pemerhatian terkawal, pengumpulan data berdasarkan soalan-soalan yang diuji dikawal secara langsung oleh pengkaji.

Ujian Diagnostik

Pemilihan subjek kajian dijalankan melalui sesi ujian diagnostik. Setelah pengujian dijalankan ke atas semua murid Tahun 1 di SRKTIP yang berjumlah 64 orang. Penyelidik menganalisis markah yang diperoleh murid bertujuan untuk memilih subjek kajian yang akan dilibatkan dalam penyelidikan. Hasilnya dipaparkan dalam jadual di bawah:

Jadual 5: Keputusan Ujian Diagnostik di SKTIP

Gred	Bilangan mendapat	Peratus
A	35	54.6
B	17	26.6
C	10	15.6
D	1	1.6
E	1	1.6
Jumlah	64	100

Skala : A (80-100), B (60-79), C (40-59), D (20-39) dan E (0-29)

Skala pengukuran yang digunakan oleh penyelidik adalah skala yang mengikut piawai yang ditentukan oleh kementerian pelajaran, namun demikian bukanlah bermakna pelajar yang memperoleh gred C ke atas memberikan gambaran yang subjek kajian tersebut berada pada tahap lulus dan tidak perlu menjadi pilihan sebagai subjek kajian. Hasil perbincangan yang dilakukan dengan pihak pentadbir dan guru kelas yang mengajar Tahun 1 kesemua murid yang memperoleh gred C seramai 12 orang (18.8%) ke bawah dilibatkan dalam penyelidikan ini dan selebihnya 13 orang (20.3%) lagi bagi menjadikannya seramai 25 orang (39.1%) untuk dilibatkan dalam pakej yang pertama dipilih berdasarkan kepada permohonan ibu bapa penjaga yang berminat untuk membenarkan anak-anak dan anak jagaan mereka terlibat dalam program penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

Namun demikian, sebagaimana yang dijangkakan oleh penyelidik berdasarkan kepada pengalaman beliau sebagai guru yang mengajar Tahun 1 selama 6 tahun berturut-turut mendapati bahawa tidak semua pelajar yang mencapai kelulusan gred B ke atas dalam sesi ujian diagnostik boleh diiktiraf dan dijamin telah menguasai asas bacaan dengan baik. Hal ini dibuktikan dalam pencapaian pelajar tersebut setelah melalui sesi ujian penyaringan KIA2M yang memperlihatkan peratus penguasaan asas bacaan yang masih tidak boleh mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan. Oleh hal yang demikian dalam pakej yang kedua seramai 10 orang (15.6%) lagi pelajar dipohon oleh pihak pentadbir untuk turut sama melalui program penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik. Akhirnya, jumlah subjek kajian yang terlibat dalam penyelidikan ini berjumlah 35 orang (54.7%) daripada populasi murid Tahun 1 di SRKTIP yang berjumlah 64 orang kesemuanya pada masa kajian ini dijalankan.

Semasa sesi pengujian dijalankan pengkaji mengenal pasti sendiri dengan berada di dalam kelas bersama-sama dengan subjek kajian semasa sesi pembelajaran dan melihat pelaksanaan pengajaran menggunakan bahan Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) yang telah dibina pengkaji untuk mengajar tahap kemahiran-kemahiran yang diperlukan, sekaligus membuat pemerhatian ke atas pengajaran dan pengujian yang dilakukan. Melalui pemerhatian pengkaji dapat melihat keadaan sebenar dan perkembangan atau peningkatan penguasaan di kalangan subjek kajian tersebut.


Pemerhatian yang dibuat meliputi :

- Aktiviti pengajaran-pembelajaran di bilik darjah.
- Kekuatan bahan rangsangan yang dibina untuk membantu penguasaan kemahiran-kemahiran yang diajar.
- Respons murid-murid melalui jawapan kepada soalan yang diberikan ada secara lisan.
- Masalah memahami dan menguasai kemahiran-kemahiran yang telah diajar.

- Kebolehan murid-murid untuk mengenal huruf, kosa kata, frasa dan ayat mudah.

Prosedur Kajian

Setelah melalui langkah pengajaran dan pembelajaran yang bersistematik dan sesuai dengan keperluan pembelajaran berdasarkan jadual yang disediakan didapati murid-murid dapat menguasai kemahiran mengikut tahap kebolehan masing-masing. Semasa pengajaran dilakukan penyelidik telah memperkenalkan setiap kemahiran yang hendak diuji sebanyak dua kali bagi kes biasa dan kekerapan yang lebih banyak ke atas subjek yang agak perlahan tahap perkembangan mentalnya. Pengajaran dilakukan mengikut langkah-langkah utama bagi setiap kemahiran seperti rajah di bawah :



Rajah 3: Langkah-langkah pengajaran

Dengan cara ini didapati murid-murid dapat menguasai bahan bacaan dengan mudah kerana huruf, suku kata, kosa kata (perkataan) dan ayat yang didedahkan kepada mereka diulang sekurang-kurangnya dua kali sebelum ujian dijalankan. Kemahiran yang dikuasai oleh murid-murid dikukuhkan lagi dengan aktiviti menulis pada bahagian akhir pelajaran. Lazimnya bahan yang ditulis oleh murid adalah berdasarkan kemahiran-kemahiran yang hendak diuji. Pengkaji mendapati bahawa menulis semula apa yang telah dipelajari merupakan suatu aktiviti yang berkesan. Semasa melakukan proses ini murid-murid kelihatan membaca perkataan demi perkataan apa-apa yang sedang disesuaikan dan ditulis. Usaha seperti ini bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid, malahan juga dapat meningkatkan kemahiran menulis mereka dan sekaligus meningkatkan penguasaan murid-murid dalam mata pelajaran bahasa Melayu.

Kadang-kadang perkara yang tidak dijangkakan dalam pelaksanaan hanya disedari apabila sesuatu masalah itu muncul, iaitu melalui pemerhatian pengkaji. Umpamanya pada peringkat awal sesi pengajaran dijalankan pengkaji mendapati murid-murid tidak membawa modul dan alatan (kad huruf, kad suku kata, dan kad perkataan) yang diberikan kepada mereka, untuk kegunaan pembelajaran pada sesi yang seterusnya. Bagi mengatasi masalah ini pengkaji sering membekalkan modul dan kad-kad tambahan untuk diberikan kepada murid-murid apabila masalah ini timbul. Namun demikian mereka diingatkan supaya tidak mengulangi lagi kesalahan yang sama pada masa lain.

Dalam tempoh ini selepas melalui setiap proses pengajaran dan pembelajaran, murid-murid diberikan soalan-soalan secara lisan latihan untuk dijawab. Ini bertujuan untuk memberi pengukuhan kepada murid-murid terhadap kemahiran yang dipelajarinya. Kemudian murid-murid akan diuji berdasarkan kemahiran yang dipelajari. Untuk tujuan melihat penguasaan murid-murid, mereka diuji secara berkumpulan di dalam kelas khas yang bertujuan untuk mengelakkan daripada sebarang gangguan.

Dapatan Kajian

Setelah selesai menjalankan penyelidikan, penyelidik membuat persembahan dapatan tentang data-data yang diperolehi. Data-data daripada ujian ke atas murid-murid dan temu bual berstruktur serta tidak berstruktur daripada ibu bapa atau penjaga dan guru-guru dianalisis secara manual dan dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) Version 17.0*. Adakah terdapat kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi terhadap bahan bantu mengajar (Modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1)) dalam meningkatkan tahap penguasaan asas bacaan subjek kajian.

Bagi menentukan tahap hubungan, jadual berikut digunakan untuk menentukan kekuatan sesuatu perkaitan.

Jadual 6: Guilford's Rule of Thumb

Nilai pekali korelasi (r)	Kekuatan perkaitan
< 0.20	sangat lemah
0.20 hingga 0.40	lemah
0.40 hingga 0.70	sederhana
0.70 hingga 0.90	kuat
> 0.90	sangat kuat

Keputusan Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1). Modul tersebut mengandungi 8 lampiran (Pra bacaan) yang memfokuskan kepada kemahiran mengenal huruf (V & K) dan membatang suku kata (KV). Diikuti dengan 10 Pelajaran yang mengandungi fonem vokal (V), suku kata (KV), kosa kata yang diwakili (V + KV), (KV + KV), (KV + KV + KV), (KV + VKV), (KVK) dan (VKV). Kosa kata tersebut dimasukkan ke dalam ayat mudah yang mengandungi 1 hingga 5 kata. Kandungan modul didapati sangat bersesuaian dengan isi kandungan sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 1 yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bagi memastikan tahap kebolehppercayaan bahan yang digunakan sebagai instrumen, pengkaji telah melaksanakan langkah dengan mengadakan uji dan uji kembali ke atas isi kandungan modul tersebut. Kesemua dapatan daripada data ujian yang dijalankan ke atas subjek kajian telah direkodkan ke dalam Senarai Rekod markah subjek kajian yang dibina khas. Kedua-dua ujian tersebut telah dianalisis bagi mendapatkan keputusan sama ada bahan tersebut menepati atau tidak objektif kajian yang ditentukan untuk menganalisis penguasaan subjek kajian dalam kemahiran asas bacaan.

Kaedah pengujian yang dijalankan oleh penyelidik ialah dengan cara menguji untuk kali yang pertama tanpa memberikan pengajaran kepada subjek kajian. Kemudian penyelidik memperkenalkan setiap kemahiran yang hendak diuji sebanyak 2 kali (minimum) dan kekerapan akan menjadi semakin bertambah terhadap subjek yang lembam, kekerapan pengajaran ke atas subjek kajian dilakukan mengikut tahap kemahiran serta kebolehan yang dikuasai oleh mereka.

Dengan pendekatan, kaedah dan teknik yang bersifat eklektik didapati subjek kajian dapat menguasai kosa kata asas dengan mudah, kerana dengan cara ini didapati murid-murid dapat menguasai kosa kata asas kerana huruf, suku kata, kosa kata (perkataan) dan ayat yang didedahkan kepada mereka diulang sekurang-kurangnya dua kali sebelum ujian dijalankan. Kemahiran yang dikuasai oleh subjek kajian dikukuhkan lagi dengan aktiviti bersoal jawab secara lisan pada bahagian akhir pelajaran. Lazimnya bahan yang didedahkan secara lisan kepada subjek adalah berdasarkan kemahiran-kemahiran yang hendak diuji. Penyelidik mendapati bahawa menyebut semula apa yang telah dipelajari merupakan suatu aktiviti yang berkesan. Semasa melakukan proses ini subjek kajian kelihatan mencernakan mod bahasa dari perkataan demi perkataan tentang apa-apa yang sedang disesuaikan dan dijawab oleh mereka secara lisan. Usaha seperti ini bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca subjek kajian, malahan juga dapat meningkatkan kemahiran mendengar (hearing) dan menyimak (listening) mereka dan sekali gus meningkatkan penguasaan subjek kajian dalam asas bacaan mata pelajaran bahasa Melayu.

Dalam tempoh ini selepas melalui setiap proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan kepada kemahiran yang telah dibina, subjek kajian diberikan soalan-soalan latihan untuk dijawab secara lisan. Ini bertujuan untuk memberi pengukuhan kepada subjek kajian terhadap kemahiran yang dipelajarinya. Sekiranya subjek kajian dapat menjawab dengan betul mereka akan diberikan ganjaran atau pujian oleh penyelidik setelah mereka menguasai sesuatu kemahiran yang diajarkan. Sebaliknya jika subjek kajian tidak dapat menguasainya, subjek kajian tidak akan diberikan dendaan, sebaliknya penyelidik akan menggunakan kaedah pengajaran melalui bimbingan rakan sebaya. Subjek kajian yang telah dapat menguasai kemahiran yang diajarkan kepada mereka akan diminta supaya mengajarkannya kepada rakan yang belum menguasainya. Dalam hal ini latih tubi pengulangan bacaan akan diterapkan oleh penyelidik, bukannya dendaan. Kemudian subjek kajian akan diuji berdasarkan kemahiran yang dipelajari. Ujian bahagian I mengandungi kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan aspek huruf dan suku kata,

manakala ujian bahagian II pula mengandungi kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan aspek kosa kata, frasa dan ayat.

Hasil analisis berstatistik adalah sebagaimana paparan jadual di bawah:

Ujian	Kumpulan 1 (25 orang)		Kumpulan 2 (10 orang)	
	Pra ujian	Pasca ujian	Pra ujian	Pasca ujian
Keputusan	0.960	0.891	0.978	0.970

Dengan dapatan tahap kebolehpercayaan bahan ujian yang mencatatkan nilai alpha 0.960 untuk pra ujian dan 0.891 untuk pasca ujian bagi kumpulan 1 (25 orang) subjek kajian. Dan nilai alpha 0.978 untuk pra ujian serta 0.970 untuk pasca ujian bagi kumpulan 2 (10 orang) subjek kajian sebagaimana dipaparkan dalam jadual di atas. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa instrumen kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi, kerana kedua-dua set data didapati mempunyai perhubungan yang kuat. Hal ini membuktikan bahawa subjek kajian berjaya menguasai asas bacaan dalam bacaan asas yang berasaskan kepada pendedahan bahasa dengan menggunakan modul Asas Membaca Tahun 1 (Edisi 1) dengan tahap pencapaian penguasaan yang sangat bagus.

Demikian juga halnya dengan dapatan kajian yang diperoleh penyelidik melalui penganalisan data-data yang sama setelah dianalisis berdasarkan khi kuasa dua Korelasi Pearson. Dalam hal ini tafsiran nilai pekali r mengikut Guilford dijadikan tafsirannya. Sila lihat jadual.

Jadual 7: Tafsiran Nilai Pekali r mengikut Guilford (1989)

Nilai pekali r	Tafsiran
di bawah .20	Kecil; hampir-hampir tiada hubungan
di antara .20 - .40	Korelasi rendah; hubungan yang pasti tetapi kecil
di antara .41 - .70	Korelasi sederhana; hubungan yang teguh
di antara .71 - .90	Korelasi tinggi; hubungan yang ketara
di antara .91 - 1.00	Korelasi yang sangat tinggi; hubungan yang boleh dipercayai.

Secara menyeluruh, data kajian ini dianalisis melalui dua cara. Penyusunan data-data mentah kepada kategori tertentu dilakukan secara manual. Data yang dikategorikan dianalisis dengan menggunakan statistik berbantuan komputer (aturcara *SPSS/17.0*). Paras signifikan ditetapkan pada df .05 untuk ujian dua sisi, iaitu :

$$\begin{aligned}
 r &= 0.5 \quad (33) \\
 &= .325
 \end{aligned}$$

yang diperoleh oleh penyelidik melalui formula darjah kebebasan seperti di bawah:

$$\begin{aligned}
 dk &= N - 2 \\
 &= 35 - 2 \\
 &= 33
 \end{aligned}$$

Untuk melihat keteguhan hubungan antara dua pemboleh ubah penyelidik akan menentukannya dengan menggunakan indeks keteguhan yang dipanggil sebagai pekali korelasi. Pada kebiasaannya dalam mentafsirkan pekali korelasi simbol r akan digunakan sebagai petunjuk tentang sejauh manakah kekuatan atau keteguhan di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Penyelidik akan menggunakan tafsiran nilai pekali r mengikut Guilford (1989). Sebagai indeks kebolehpercayaan dan pengelasan ujian berdasarkan kepada nilai dalam jadual di atas dipaparkan hasil dapatan analisis kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik. Sila lihat jadual yang berikut:

Jadual 8: Korelasi Pearson antara Pra ujian dan Pasca ujian (Pra bacaan)

		A1 - A8 (Pra ujian)	A1 - A8 (Pasca ujian)
A1 - A8	<i>Pearson Correlation</i>	1	.541 ^{**}

(Pra ujian)	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.001
A1 - A8	<i>Pearson Correlation</i>	.541**	1
(Pasca ujian)	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.001	

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Keputusan kajian membuktikan wujudnya korelasi yang signifikan antara pra ujian dengan pasca ujian pada bahagian pra bacaan, adalah .05 ($p > .05$). Keputusan di atas menunjukkan nilai pekali r di antara .41 - .70, ini bermakna (A 1 hingga A 8) peringkat pra bacaan menunjukkan tahap korelasi yang sederhana, dan hubungan ini menunjukkan wujudnya hubungan yang teguh. Pada peringkat pra bacaan ini juga didapati tahap pencapaian subjek kajian tidak begitu menunjukkan jurang perbezaan yang ketara di antara ujian sebelum dengan ujian selepas proses P dan P.

Fenomena ini terjadi kerana item-item yang dibina oleh penyelidik dalam unit ini tidak begitu menunjukkan pemisahan atau perbezaan yang ketara dengan sukatan pelajaran yang dipelajari oleh subjek kajian semasa mereka berada pada peringkat pra sekolah. Pengalaman lampau subjek kajian telah membantu mereka menguasai asas bacaan dalam bahasa Melayu pada peringkat ini. Keadaan tersebut disemarakkan lagi dengan pendedahan yang dilakukan oleh ibu bapa mereka di rumah.

Jadual 9: Korelasi Pearson antara Pra ujian dan Pasca ujian (Bacaan)

		P1 – P10 (Pra ujian)	P1 – P10 (Pasca ujian)
P1 – P10 (Pra ujian)	<i>Pearson Correlation</i>	1	.544**
	<i>Sig. (2-tailed)</i>		.001
P1 – P10 (Pasca ujian)	<i>Pearson Correlation</i>	.544**	1
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.001	

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Keputusan kajian membuktikan wujudnya korelasi yang signifikan antara pra ujian dengan pasca ujian untuk bahagian bacaan, adalah .05 ($p > .05$). Keputusan di atas menunjukkan nilai pekali r di antara .41 - .70, ini bermakna (Pelajaran 1 hingga Pelajaran 10) peringkat bacaan menunjukkan tahap korelasi yang sederhana, dan hubungan ini menunjukkan wujudnya hubungan yang teguh. Pada peringkat bacaan ini juga didapati tahap pencapaian subjek kajian semakin memberangsangkan di antara ujian sebelum dengan ujian selepas proses P dan P.

Secara keseluruhannya pada peringkat awal kajian didapati dapatan kajian menunjukkan bahawa subjek kajian tidak dapat menguasai dengan baik dan berkesan bagi setiap ujian yang dijalankan ke atas setiap subjek kajian. Namun demikian setelah subjek kajian didedahkan dengan proses P dan P sebanyak sekurang-kurangnya dua kali dan diuji semula untuk kali yang kedua didapati bahawa peningkatan pencapaian markah ujian ke atas subjek kajian menunjukkan perubahan angka yang begitu memberangsangkan.

Dakwaannya ini dibuktikan lagi melalui keputusan ujian penyaringan KIA2M (Ujian pengesanan penguasaan membaca dan menulis) yang dijalankan oleh pihak sekolah ke atas subjek kajian tersebut melalui peperiksaan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Lihat jadual berikut :

Jadual 10: Jumlah murid dalam kelas KIA2M di SKTIP

Ujian	Melayu / Bumiputera		Cina		India		Lain-lain		Jumlah		Jumlah besar
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
Pelepasan 1	14	15	-	-	-	-	-	-	14	15	19
Pelepasan 2	3	3	-	-	-	-	-	-	3	3	6

Setelah ujian pengesanan awal dilakukan oleh pihak sekolah didapati seramai 19 orang pelajar Tahun 1 di SKTIP masih berada dalam kategori belum menguasai kemahiran membaca dan menulis iaitu seramai 14 (48.3%) lelaki dan 15 (51.7%) perempuan, kesemua murid tersebut berjumlah 19 orang dan berbangsa Melayu. Mereka terlibat dalam secara langsung sebagai subjek kajian dalam penyelidikan yang

dijalankan oleh penyelidik. Setelah ujian pelepasan kali yang pertama dijalankan pada bulan Jun ke atas semua murid tersebut, 13 (68.0%) daripada mereka telah berjaya melepaskannya. Namun demikian atas permintaan guru yang mengajar kelas tersebut, mereka dikekalkan di bawah program penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik. Pengekalan tersebut dilakukan atas dasar untuk memantapkan lagi penguasaan membaca mereka di samping untuk menjadi pembimbing rakan sebaya bagi mengajar rakan-rakan mereka yang masih belum menguasai asas bacaan.

Baki 6 orang pelajar lagi yang masing-masingnya diwakili oleh 3 (50.0%) lelaki dan 3 (50.0%) perempuan yang mewakili 32.0% daripada kesemua murid yang berada dalam kategori atau kumpulan murid yang belum menguasai asas membaca. Kumpulan tersebut meneruskan aktiviti P & P di bawah projek penyelidikan yang dijalankan. Setelah ujian pelepasan kali yang kedua dilakukan pada bulan Oktober, didapati kesemua subjek kajian tersebut telah berjaya melepasi ujian pelepasan tersebut dan SKTIP tidak lagi mempunyai murid yang tidak dapat membaca dan menulis pada sesi pengajian 2010 untuk pelajar Tahun 1 yang kemudiannya naik ke Tahun 2 pada sesi pengajian 2010.

Dengan penguasaan awal ke atas asas bacaan ini diharapkan tidak akan memungkinkan mereka ketinggalan dalam meneruskan penguasaan bahasa Melayu mereka peringkat demi peringkat masukan mengikut sistem pendidikan di Malaysia. Golongan ini tidak akan menyumbang lagi kepada peningkatan data yang bersifat akumulatif saban tahun setiap kali keputusan peperiksaan dikeluarkan sama ada keputusan peperiksaan yang bersifat dalaman, mahu pun keputusan peperiksaan berpusat. Akhirnya negara akan mendapat rakyat yang bebas daripada masalah buta huruf, dan akhirnya akan menyediakan tenaga manusia yang memenuhi kriteria modal insan yang berkualiti bagi memainkan peranan untuk memacu pembangunan negara dalam pelbagai bidang dan sekali gus akan dapat merealisasikan dan melestarikan agenda Wawasan 2020 terutama dalam aspek untuk melahirkan modal insan yang berkualiti.

Kesimpulan

Hasil kajian membuktikan bahawa pembinaan dan pemeringkatan bahan pengajaran yang terancang dan tersusun secara sistematik dari mudah ke susah perlulah diambil kira agar sesuai dengan tahap kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar.

Cadangan Mengatasi Masalah Penguasaan Kosa Kata Asas Di Kalangan Murid Tahun 1.

Untuk menangani masalah ini, terdapat beberapa cadangan yang difikirkan sesuai, seperti menambah bahan pembelajaran yang sesuai untuk peringkat Tahun 1, peranan Kementerian Pendidikan, pengurangan bilangan murid, penggunaan alatan tambahan, menekankan kaedah pengajaran guru, keyakinan guru, penglibatan ibu bapa, peranan pihak sekolah, peranan Guru Besar dan peranan pihak-pihak lain.

Bibliografi

Bower, G. H., and Hilgard E.R. (1983) *Theories of Learning*. 5th ed. Englewood Cliffs: Prentice-Hall, Inc.

Herganahhn, B.R. (1989). *An Introduction to Theories of Learning*, (3rd ed.). Cliffs: Prentice-Hall, Inc.

Mangantar Simanjuntak 1985. *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Saiful Haq bin Hussin. 2007. *Modul Asas Membaca Tahun 1*. Kuala Lumpur: Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM dan Persima

Muhammad Saiful Haq bin Hussin. (2006). *Amalan Psikolinguistik dalam Pemahaman Bacaan Asas Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Muda*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor De.

Tolman E.C. (1932). *Purposive Behavior in Animal an Men*. New York: Appleton-Century-Crofts.

----- (1948). *Cognitive Maps in Rats and Men*. *Psychological Review*, 55, 189-208.

----- (1949). There is More Than One Kind of Learning, *Psychological Review*, 56, 144 – 155.

----- (1949). “Principles of Purposive Behaviour”. Dalam S. Koch (ed.) *Psychology: A Study of Science*. New York: Mc Graw-Hill, pp. 92 – 157.

Biodata

Dr. Muhammad Saiful Haq bin Hussin adalah dosen di Jurusan Bahasa Melayu dan Ketua Jabatan Penyelidikan di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya Kuala Lumpur. Pengalaman dalam bidang pendidikan di Malaysia selama 20 tahun, bermula dari guru pendidikan dasar, menengah, hingga menjadi dosen di Universiti Malaya. Beliau menyelesaikan kesarjanaan dalam bidang pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, master dan doktorat bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia dengan disiplin ilmu psikolinguistik.

Agus Syahrani, S.Pd. adalah dosen di Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Tanjungpura Pontianak, dan sekarang sedang menyelesaikan studi S-2 di Jabatan Bahasa Melayu Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.